

**SULIT**



## **UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

### **PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2012/2013**

NAMA KURSUS : PENGUKURAN DAN PENILAIAN DALAM PENDIDIKAN

KOD KURSUS : BBP 20702

PROGRAM : SARJANA MUDA PENDIDIKAN TEKNIK DAN VOKASIONAL

TARIKH PEPERIKSAAN : DISEMBER 2012 / JANUARI 2013

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN :

1. JAWAB SEMUA SOALAN DENGAN MENANDAKAN JAWAPAN PADA BORANG OMR YANG DIBERIKAN
2. BUKU SOALAN HENDAKLAH DISERAHKAN BERSAMA BORANG OMR PADA AKHIR PEPERIKSAAN

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 23 MUKA SURAT

**SULIT**

Bahagian ini mengandungi 80 soalan. Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan A, B, C dan D. Pilih satu jawapan yang betul dan hitamkan jawapan pada kertas yang disediakan.

S1 Peperiksaan awam apakah yang dikendalikan oleh Majlis Peperiksaan Malaysia?

- A PMR
- B SPM
- C UPSR
- D STPM

S2 Antara berikut, manakah jenis penilaian yang sesuai untuk mendapatkan maklumbalas dan membuat perkembangan dalam proses pengajaran dan pembelajaran?

- A Sumatif
- B Formatif
- C Diagnostik
- D Penempatan

S3 Mengapa pensyarah perlu menggunakan Jadual Spesifikasi Ujian?

- A Meningkatkan kesahan kandungan
- B Meningkatkan kebolehpercayaan
- C Menerangkan objektif setiap soalan
- D Menerangkan sebaran jenis butiran

S4 Pensyarah UTHM ingin menilai minat dan sikap pelajar di kelasnya. Apakah pengelasan ujian yang boleh digunakan oleh beliau?

- A Ujian psikologi
- B Ujian kecerdasan
- C Ujian pencapaian jenisan
- D Ujian pencapaian maksimum

S5 Apakah bentuk ujian penilaian yang boleh digunakan oleh seorang pensyarah untuk melihat perbezaan kebolehan antara pelajarnya?

- A Sumatif
- B Diagnostik
- C Rujukan norma
- D Rujukan kriteria

S6 Apakah taksonomi objektif pembelajaran Bloom yang memfokuskan sikap, kegemaran, penghargaan dan penyesuaian?

- A Afektif
- B Kognitif
- C Psikologi
- D Psikomotor

S7 Apakah yang dimaksudkan dengan “pentaksiran bukannya aktiviti tambahan”?

- A Pentaksiran sumatif
- B Pentaksiran pembelajaran
- C Pentaksiran untuk pembelajaran
- D Pentaksiran sebagai pembelajaran

S8 Manakah antara padanan berikut adalah tepat mengenai aktiviti dan jenis pentaksiran?

	Aktiviti	Jenis
A	Memberikan “pop kuiz”	Pentaksiran selepas pengajaran
B	Memberikan himpunan markah akhir	Pentaksiran berterusan
C	Menyemak skor pelajar berdasarkan peperiksaan tahun lepas	Pentaksiran selepas pengajaran
D	Menggunakan kerja rumah untuk mengadili pengetahuan pelajar	Pentaksiran berterusan

- S9 Apakah perkaitan diantara keputusan guru, persekitaran kelas yang kompleks dan pentaksiran?
- A Keputusan guru mempengaruhi persekitaran kelas yang kompleks dan pentaksiran mempengaruhi keputusan guru  
B Pentaksiran dipengaruhi oleh persekitaran kelas yang kompleks dan keputusan guru  
C Keputusan guru dipengaruhi oleh pentaksiran dan persekitaran kelas yang kompleks dipengaruhi pentaksiran  
D Persekutaran kelas yang kompleks mempengaruhi keputusan guru untuk membuat keputusan dan pentaksiran diperlukan untuk membuat keputusan yang baik
- S10 Apakah jenis soalan yang sesuai digubal untuk seribu orang pelajar?
- A Padanan  
B Benar-salah  
C Jawapan pendek  
D Aneka pilihan
- S11 Antara berikut merupakan tingkah laku yang mempengaruhi pemeriksa semasa memeriksa skrip jawapan **kecuali**
- A Bias kendiri  
B Kesan halo  
C Ralat Piawai  
D Kecenderungan Memusat
- S12 Antara berikut manakah yang menerangkan tentang kaedah penilaian rujukan kriteria?
- A Menentukan faktor diskriminasi antara pelajar  
B Menentukan pencapaian individu yang terbaik  
C Menerangkan pencapaian pelajar berbanding dengan prestasi pelajar lain  
D Menerangkan pencapaian pelajar berdasarkan tugas pembelajaran

- S13 Jadual S13 menunjukkan susunan pelajar berdasarkan pencapaian dari tinggi ke pencapaian rendah dalam dua ujian yang menggunakan set soalan yang sama.

Jadual S13

<b>Ujian kali pertama</b>	<b>Ujian kali kedua</b>
Azizah	Alias
Cindy	Rabitah
Alias	Saiful
Saiful	Azizah
Rabitah	Cindy

Apakah rumusan yang sesuai berdasarkan keputusan pelajar tersebut?

- A Prestasi pelajar tidak konsisten
- B Keputusan ujian sangat tidak boleh dipercayai
- C Terdapat peningkatan yang baik bagi pelajar lemah
- D Ujian tersebut boleh mengukur kebolehan sebenar pelajar

- S14 Mesyuarat penyelarasan semakan skrip jawapan diadakan untuk memberikan kefahaman yang sama kepada semua pemeriksa. Tujuan ini adalah untuk meningkatkan

- A kesahan.
- B kejituuan.
- C keobjektifan.
- D kemudahtadbiran

- S15 Apakah jenis ujian piawai yang digunakan dalam peperiksaan PMR, SPM dan STPM ?

- A Tara
- B Tinjauan
- C Individu
- D Kepantasan

- S16 Berdasarkan Taksonomi Kognitif Bloom, apakah tahap yang merujuk kepada objektif pengajaran yang meminta pelajar mencantum beberapa maklumat atau idea, membuat ramalan, menyelesaikan masalah dan membina sesuatu yang baru?

- A Analisis
- B Aplikasi
- C Penilaian
- D Sintesis

S17

Keputusan PMR digunakan untuk menentukan kebolehan pelajar berjaya dalam peperiksaan SPM

Pernyataan di atas menerangkan tentang kesahan

- A gagasan.
- B ramalan.
- C serentak.
- D kandungan.

S18 Manakah antara berikut benar tentang definisi keobjektifan dalam sesuatu ujian?

- A Kelicinan proses pengujian yang dijalankan di dalam bilik peperiksaan
- B Kejituhan dan ketekalan keputusan yang dibuat berdasarkan pencapaian pelajar di dalam kelas semasa proses pengajaran
- C Ketepatan seseorang pemeriksa memeriksa skrip jawapan dan memberikan skor yang tepat kepada calon
- D Pencapaian calon yang dapat ditafsirkan dengan memberikan maklumat mengikut objektif penilaian

S19 Antara berikut yang manakah merupakan kelemahan pemarkahan secara analitik?

- A Pemarkahan kurang objektif.
- B Pemeriksa baru sering menghadapi masalah.
- C Pemeriksaan mengambil masa yang lama.
- D Pemarkahan dapat mengawal kesan halo/horn.

S20

Seorang suri rumah menyediakan aiskrim dengan mencampurkan susu dan air serta bahan-bahan lain. Dia terlupa meletakkan penstabil dalam aiskrim tersebut. Apakah yang akan berlaku kepada aiskrim itu apabila ia membeku?

Berdasarkan pernyataan di atas, tentukan aras kemahiran yang sesuai bagi soalan tersebut?

- A Analisis
- B Aplikasi
- C Kefahaman
- D Penilaian

- S21 Manakah antara berikut merupakan turutan yang benar bagi tahap Taksonomi Kognitif Bloom?
- A Pengetahuan – Pemahaman – Penggunaan – Analisis – Sintesis – Penilaian  
B Pemahaman – Pengetahuan – Analisis – Sintesis – Penggunaan – Penilaian  
C Analisis – Sintesis – Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Penggunaan  
D Pengetahuan – Pemahaman – Penilaian – Analisis – Sintesis – Penggunaan
- S22 Apakah kaedah yang sesuai digunakan apabila anda ingin mengukur pendapat seseorang yang melibatkan jumlah responden seramai 3000 orang?
- A Temu bual  
B Soal selidik  
C Pemerhatian  
D Analisis dokumen
- S23 Apakah kelebihan item objektif berbanding item subjektif?
- A Boleh diperbaiki dan digunakan semula  
B Lebih mudah dan lebih objektif untuk diperiksa  
C Mempunyai darjah kebolehpercayaan yang lebih rendah  
D Memerlukan kemahiran dan imaginasi dalam pembinaannya
- S24 Kenyataan manakah yang paling tepat mengenai prinsip penilaian?
- |   |                        |  |
|---|------------------------|--|
| A | Berorientasi kebolehan | Penilaian yang dilakukan sepatutnya boleh mengukur kebolehan sebenar pelajar bersesuaian dengan objektif yang ditetapkan |
| B | Berlaku Adil           | Penilaian yang dilakukan secara terancang, menekankan pelbagai tahap dan berterusan untuk mengesan prestasi pelajar      |
| C | Bersifat Terbuka       | Penilaian yang tidak berat sebelah dan memihak kepada kepentingan sesiapa sama ada kepada guru atau pelajar              |
| D | Keputusan Bermakna     | Penilaian yang dilakukan tanpa dipengaruhi oleh perbezaan latar belakang agama, sosio-ekonomi, budaya dan jantina        |

S25 Berikut merupakan arahan yang perlu diberikan sebelum sesuatu ujian itu bermula, kecuali

- A menerangkan prosedur ujian
- B kaedah memberi jawapan
- C tindakan sekiranya meniru
- D tujuan ujian dilaksanakan

S26

Soalan: Jadual spesifikasi ujian \_\_\_\_\_

- A. Menyediakan sampel isi kandungan yang lebih seimbang.
- B. Menyusun objektif pengajaran mengikut kepentingan.
- C. Menentukan kaedah penskoran yang boleh digunakan dalam ujian
- D. Menyatakan bagaimana ujian digunakan untuk memperbaiki pembelajaran.

Apakah kelemahan bagi item yang dibina dalam pernyataan di atas?

- A Stem sangat ringkas
- B Stem tidak lengkap
- C Opsyen tidak homogen
- D Distraktor tidak menarik perhatian

S27

Kelenjar endokrin manakah yang juga dikenali sebagai kelenjar induk?

Berdasarkan maklumat di atas, tentukan aras kemahiran bagi item tersebut.

- A Analisis
- B Sintesis
- C Pengetahuan
- D Kefahaman


S28 Apakah tujuan pra ujian/kajian rintis semasa proses pembinaan soalan?

- A Semakan dan bank soalan.
- B Meningkatkan kebolehan pelajar.
- C Menghimpunkan soalan yang berkualiti.
- D Memastikan pelajar tidak melakukan kesilapan.

S29 Manakah antara berikut merupakan ciri-ciri soalan yang baik ?

- A Mencabar minda semua pelajar
- B Mencampurkan elemen pengetahuan am
- C Penggunaan bahasa yang canggih dan cantik
- D Menepati aras kesukaran yang dikenal pasti

S30 Rajah S30 menunjukkan graf bagi lengkung taburan normal.



Rajah S30

Bentukkan persamaan yang menghubungkait min, mod dan median seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas.

- A Nilai min > median > mod
- B Nilai min < median < mod
- C Nilai min = median = mod
- D Nilai min > median < mod

S31 Berikut merupakan aktiviti yang dijalankan di dalam dewan peperiksaan **kecuali**

- A mengawasi tingkah laku pelajar
- B memberi arahan lisan setiap 5 minit
- C memastikan faktor persekitaran yang kondusif
- D memastikan meja pelajar kosong sebelum ujian dijalankan

- S32 Apakah peringkat yang perlu ditentukan terlebih dahulu sebelum membina Jadual Spesifikasi Ujian?
- A Menentukan bilangan soalan, menganalisis objektif pengajaran, menentukan jenis ujian dan mengkaji sukanan pelajaran  
B Menentukan jenis ujian, mengkaji sukanan pelajaran, menentukan bilangan soalan dan menganalisis objektif pengajaran  
C Mengkaji sukanan pelajaran, menganalisis objektif pengajaran, menentukan jenis ujian dan menentukan bilangan soalan  
D Mengkaji sukanan pelajaran, menentukan bilangan soalan, menganalisis objektif pengajaran dan menentukan jenis ujian
- S33 Manakah antara berikut adalah kebaikan utama soalan jenis ese?
- A Kesahan yang tinggi  
B Nilai diagnostik tinggi  
C Kebolehpercayaan yang tinggi  
D Mengukur kemahiran yang kompleks
- S34 Apakah tujuan utama penilaian bilik darjah dari aspek perkembangan dan kemajuan akademik?
- A Menilai prestasi yang ditunjukkan oleh guru semasa tempoh pengajaran dan pembelajaran  
B Memberikan peluang untuk penambahbaikan dalam pengajaran dan pembelajaran  
C Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat negeri  
D Membandingkan keputusan pelajar dengan tahap norma peringkat kebangsaan
- S35 Apakah fungsi utama indeks diskriminasi sesuatu item?
- A Membezakan pencapaian pelajar lemah  
B Mendiskriminasikan jawapan pelajar pandai  
C Menentukan sama ada item itu baik atau sebaliknya  
D Menentukan kesesuaian aras kesukaran dengan kebolehan pelajar

S36 Berikut merupakan prinsip-prinsip teknik penilaian **kecuali**

- A penilaian mesti mempunyai objektif
- B penilaian mesti dinyatakan dalam gred
- C penilaian hanyalah petanda pencapaian lepas
- D penilaian mesti berdasarkan ciri-ciri tingkah laku

S37 Pernyataan manakah sesuai untuk menjelaskan tujuan penilaian dalam proses pengajaran dan pembelajaran bilik darjah?

- A Menentu sejauh mana objektif pengajaran dapat dicapai oleh pelajar
- B Membanding kecerdasan antara pelajar berdasarkan keputusan peperiksaan
- C Merancang program pemulihan dan pengayaan mengikut keperluan pelajar
- D Mengenalpasti kelemahan pelajar dan kesilapan guru dalam pengajaran dan pembelajaran

S38 Mengapa penilaian diagnostik dilakukan ke atas pelajar yang mempunyai kesukaran pembelajaran?

- A Untuk menguji tahap pencapaian pelajar dalam pembelajaran
- B Untuk mengukur tahap kecekapan pelajar dalam pembelajaran
- C Untuk membantu pelajar memperbaiki prestasi dalam pembelajaran
- D Untuk menentukan punca masalah pembelajaran pelajar

S39 Apakah ciri pentaksiran yang bermutu tinggi dari aspek kesahan isi kandungan soalan?

- A Terdiri daripada berbagai aras soalan
- B Disediakan oleh pakar-pakar mata pelajaran yang tertentu
- C Menyentuh aspek-aspek penting isi pelajaran yang diajar
- D Dapat dijawab oleh kebanyakan calon dengan betul

S40 Pilih kenyataan yang **tidak benar** mengenai kebaikan ujian subjektif.

- A cara ujian ini adalah lebih berkesan
- B memerlukan jawapan yang tepat dan ringkas
- C memerlukan masa yang singkat untuk membentuk soalan
- D memberi peluang kepada pelajar untuk membuat penyelidikan

S41 Manakah antara markah berikut mewakili tahap prestasi yang terbaik.

- A Skor z = 1.0
- B Skor T = 55
- C Stanine 5
- D 35th persentil

S42 Berdasarkan jenis-jenis item yang disenaraikan di bawah, yang manakah paling sesuai digunakan untuk mengukur aspek kognitif tahap tinggi?

- A Esei
- B Struktur
- C Aneka pilihan
- D Jawapan pendek

Untuk soalan S43 – S46 anda dikehendaki memilih jawapan seperti yang terdapat di dalam jadual dibawah:

Kualiti Soalan		
	I	II
A	Baik	Lemah
B	Lemah	Lemah
C	Lemah	Baik
D	Baik	Baik

S43	I	Dalam pengujian objektif, istilah objektif <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Merujuk kepada kaedah untuk mengenal pasti hasil pembelajaran.</li> <li>B. Merujuk kepada kaedah untuk memilih kandungan ujian.</li> <li>C. Merujuk kepada kaedah penskoran jawapan.</li> <li>D. Merujuk kepada kaedah mempersemprehankan masalah.</li> </ul>
	II.	Objektif pengajaran adalah sangat berguna untuk tujuan pembinaan ujian apabila dinyatakan dalam istilah <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Kandungan kursus</li> <li>B. Prestasi pelajar</li> <li>C. Tingkah laku guru</li> <li>D. Aktiviti pembelajaran</li> </ul>

S44	I.	Pensyarah UTHM ingin menilai minat dan sikap pelajar di kelasnya. Apakah pengelasan ujian yang boleh digunakan oleh beliau?  A Ujian psikologi. B Ujian kecerdasan. C Ujian pencapaian jenisan. D Ujian pencapaian maksimum.
	II	Apakah bentuk ujian penilaian yang boleh digunakan oleh seorang guru untuk melihat perbezaan kebolehan antara pelajarnya?  A Sumatif. B Diagnostik. C Rujukan norma. D Rujukan kriteria.

S45	I	Manakah antara berikut bukan merupakan amalan yang sepatutnya dalam menyediakan item aneka pilihan?  A. Menyatakan stem dalam bentuk yang positif. B. Menggunakan stem yang dapat berfungsi sebagai item respon terhad. C. Menggariskan perkataan tertentu dalam stem untuk menekankan sesuatu. D. Meringkaskan stem dengan menggunakan alternatif yang sesuai.
	II	Mengapa istilah negatif sepatutnya dielakkan dalam membina stem bagi item aneka pilihan?  A. Ianya akan nampak berlebihan B. Stem cenderung untuk menjadi panjang. C. Pembinaan alternatif lebih sukar. D. Penskoran lebih rumit.

S46	I	<p>Manakah antara berikut merupakan kelebihan item aneka pilihan berbanding item soalan eseai?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Menyediakan pengukuran untuk hasil pembelajaran yang lebih kompleks.</li> <li>B. Meletakkan penekanan yang lebih baik pada aras mengingat semula maklumat.</li> <li>C. Memerlukan masa yang sedikit untuk menyediakan ujian dan memberikan skor.</li> <li>D. Menyediakan lebih banyak sampel yang pelbagai bagi kandungan kursus.</li> </ul>
	II	<p>Manakah antara berikut adalah ciri-ciri yang penting dalam keputusan ujian pencapaian?</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>A. Konsistensi</li> <li>B. Kebolehpercayaan</li> <li>C. Relevan</li> <li>D. Objektiviti</li> </ul>

Untuk soalan S47 – S50 anda dikehendaki memilih jawapan seperti yang terdapat di dalam jadual dibawah:

	I	II
A.	Betul	Betul
B.	Betul	Salah
C.	Salah	Betul
D.	Salah	Salah

S47	I	Penilaian ialah proses pengumpulan maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan mengenai pelajar, kurikulum dan program.
	II	Pentaksiran ialah proses membuat pengadilan yang bernilai mengenai prestasi dan hasil kerja pelajar.

S48	I	Skema pemarkahan analitik mudah dibina dan mengambil masa yang pendek untuk disiapkan.
	II	Skema pemarkahan dapat mengurangkan perbezaan markah yang diberikan oleh pemeriksa yang berlainan.
S49	I	Tidak semestinya konsistensi yang tinggi mempunyai kesahan yang tinggi.
	II	Kesan pemeriksa mempengaruhi konsistensi markah yang diberikan kepada pelajar.
S50	I	Pemarkahan secara holistik lebih objektif dan ketekalannya dapat dikekalkan sekiranya pemeriksa menjalankan tugas dengan teliti.
	II	Kebolehpercayaan adalah merujuk kepada ketekalan markah yang diberikan oleh ramai pemeriksa.
S51	Analisis item membolehkan guru menganalisis dan melihat perkara-perkara berikut <b>kecuali</b>	
	A	menentukan item yang kurang jelas maksudnya
	B	menyiasat item yang terlalu senang atau susah
	C	membaiki semula item-item yang didapati tidak baik
	D	menyelaraskan aras keseimbangan item berdasarkan analisis

S52 Manakah langkah-langkah yang harus dilakukan oleh seseorang guru dalam mentadbir sesuatu ujian?

- A Tentukan tujuan, bina *blue print*, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan
- B Tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, bina *blue print*, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan
- C Tentukan tujuan, bina *blue print*, pilih jenis soalan, sedia soalan, kumpul soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan
- D Bina *blue print*, tentukan tujuan, kumpul soalan, pilih jenis soalan, sedia soalan, tadbir ujian, tafsir ujian dan guna keputusan

S53 Manakah antara berikut adalah bentuk soalan jenis subjektif?

- A Struktur
- B Padanan
- C Penafsiran
- D Aneka pilihan

S54 Manakah antara berikut **bukan** tujuan pembinaan soalan eseи?

- A Esei disoal pada peperiksaan akhir
- B Pelajar dapat menyumbangkan jawapan
- C Untuk menguji tahap kognitif yang pelbagai
- D Soalan boleh disimpan supaya boleh digunakan lagi

S55 Apakah yang dimaksudkan dengan kebolehpercayaan sesuatu ujian?

- A Menilai skrip jawapan pelajar dengan cara berhemah
- B Mengukur kebolehan sebenar yang sepatutnya diukur
- C Merujuk kepada ketekalan, ketepatan dan kejituuan
- D Menentukan kecukupan dan kesesuaian soalan yang diberi


S56 Manakah antara berikut dipengaruhi oleh kesan pemeriksa?

- A Soalan aneka pilihan
- B Jawapan soalan padanan
- C Penilaian sesi pembentangan
- D Skrip jawapan bagi soalan struktur

- S57 Manakah antara berikut merupakan kelemahan utama dalam aktiviti soal selidik?
- A Borang soal selidik boleh diposkan
  - B Masa dan tenaga dapat dijimatkan
  - C Boleh diedarkan dalam masa yang singkat
  - D Menperolehi jawapan yang lemah bagi soalan yang tidak jelas
- S58 Pernyataan manakah sesuai untuk menerangkan 90% daripada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Sem 1 Tahun Satu juga mendapat keputusan cemerlang dalam Peperiksaan Semester 2 pada tahun akhir.
- A kesahan isi
  - B kesahan gagasan
  - C kesahan ramalan
  - D kesahan serentak
- S59 Bagaimakah untuk menentukan nilai julat bagi kelompok skor markah?
- A Menolak markah tertinggi dengan markah terendah
  - B Mencampur markah tertinggi dengan markah terendah
  - C Menolak markah kekerapan tertinggi dengan markah terendah
  - D Mencampur markah tertinggi dengan markah di tengah-tengah
- S60 Apakah tujuan pemberian pangkat kepada markah pelajar?
- A Menguji kecekapan pelajar
  - B Menguji kecekapan pensyarah
  - C Membandingkan prestasi pelajar
  - D Membandingkan prestasi pelajar dengan pensyarah
- S61 Apakah kebaikan pembinaan JPU dalam penyediaaan soalan ujian?
- A Memudahkan kerja membina soalan
  - B Mengelak dari menulis soalan tanpa perancangan
  - C Menyesuaikan aras kemahiran pelajar dengan soalan yang dibina
  - D Menilai kefahaman pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran

- S62 “**Mod** adalah sangat berguna bila item, ciri atau nilai dalam set data paling kerap atau Biasa diperlukan. **Mod** ialah satu skor yang mempunyai frekuensi yang paling tinggi dalam satu skor markah.”. Berdasarkan takrifan ini, apakah contoh yang paling sesuai untuk menunjukkan fungsi mod?
- A Memilih markah kuiz yang tertinggi  
B Menentukan purata markah pelajar dalam 3 ujian.  
C Membandingkan pencapaian antara individu dengan kumpulan.  
D Mengenalpasti bilangan pelajar yang mendapat 100% dalam sesuatu ujian.

- S63 Rajah S63 adalah graf pencong positif di dalam Kelas 6 Harmoni bagi ujian Bahasa Melayu.



Rajah S63

Apakah kedudukan di X?

- A Min  
B Mod  
C Median  
D Normal

- S64 Pilih pernyataan yang benar mengenai sisihan lazim.
- A Merupakan sejauh mana skor berubah keliling median  
B Serakkan taburan pencapaian calon dalam sesuatu ujian  
C Lengkungan taburan normal adalah sisihan lazim daripada median  
D Semakin besar nilai sisihan piawai, semakin kecil sebaran skor dalam taburan

- S65 Dalam satu ujian Matematik, skor untuk 10 orang pelajar adalah seperti berikut:

35, 42, 55, 67, 75, 88, 90, 94, 96 dan 98

Kirakan min bagi skor yang diperolehi.

- A 64.6
- B 74.0
- C 82.5
- D 91.1

- S66 Jadual dibawah menunjukkan skor markah bagi lima orang pelajar.

Skor (X)	$(X - \bar{X})$	$(X - \bar{X})^2$
5	2	4
4	1	1
3	0	0
2	-1	1
1	-2	4
$N = 5$		$\Sigma (X - \bar{X})^2 = 10$


Berdasarkan maklumat di dalam jadual di atas kirakan sisihan lazim.

- A 1.41
- B 2.41
- C 8.67
- D 4.41

- S67 Manakah antara berikut padanan yang betul berdasarkan faktor dalaman dan luaran bagi kesalahan pengukuran?

	Faktor dalaman bagi Kesalahan Pengukuran	Faktor Luaran bagi Kesalahan Pengukuran
A	Kesihatan	Emosi
B	Motivasi	Keletihan
C	Arahan	Nasib
D	Kemahiran Menjawab Ujian	Situasi dalam kelas

S68 Rajah berikut menunjukkan aras yang terdapat di dalam domain afektif.



X merujuk kepada

- A Mengkaji
- B Organisasi
- C Keperluan
- D Persepsi

S69 Jadual S69 menunjukkan jadual kekerapan bagi data terkumpul.

Jadual S69

Sela Kelas	Kekerapan (f)	Nilai Tengah ( $X'$ )	$fX'$
20 – 24	2	22	44
15 – 19	4	17	68
10 – 14	5	12	60
5 – 9	3	7	21
0 – 4	2	2	4
	$N = 16$		$\Sigma fX' = 197$

Berdasarkan data yang diberikan, kirakan min

- A 10.5
- B 11.2
- C 12.3
- D 13.7

S70 Apakah kesimpulan yang boleh dibuat sekiranya taburan adalah pencong ke kiri?

- A Seramai 50% pelajar berada dibawah min dan 50% lagi diatas min.
- B Soalan adalah sukar kerana taburan markah adalah pencong positif
- C Soalan adalah mudah kerana taburan markah adalah pencong negatif
- D Ujian sesuai untuk mengukur kebolehan kumpulan yang menduduki ujian ini.

S71 Merujuk kepada indeks diskriminasi, manakah antara kriteria berikut yang menunjukkan item sangat sesuai dan diterima ?

- A Diskriminasi yang positif tinggi ( $D > 0.40$ )
- B Diskriminasi positif yang rendah ( $0 < D > 0.20$ )
- C Diskriminasi positif sederhana ( $0.20 < D > 0.40$ )
- D Diskriminasi negatif,kumpulan rendah lebih baik ( $D < 0$ )

S72 Indeks kesukaran bagi satu item ujian ialah 0.20. Apakah tindakan yang perlu diambil terhadap item tersebut?

- A Perlu diubah suai kerana item yang terlalu sukar
- B Perlu diubah suai kerana item yang terlalu mudah
- C Terima item tanpa pengubahsuaian kerana item sederhana
- D Terima item tanpa pengubahsuaian kerana item terlalu mudah

Soalan S73 – S75 adalah berdasarkan kepada keputusan analisis item X yang ditunjukkan dalam jadual di bawah.

Item X

Kumpulan	Bilangan yang memilih setiap jawapan			
	A	B	C*	D
Berpencapaian tinggi	2	6	12	0
Berpencapaian rendah	7	6	6	1

S73 Berapakah nilai indeks kesukaran bagi item X?

- A 0.25
- B 0.45
- C 0.50
- D 0.80

S74 Berapakah nilai indeks diskriminasi bagi item X?

- A 0.30
- B 0.45
- C 0.60
- D 0.90

S75 Distraktor manakah yang perlu diperbaiki?

- A B sahaja
- B D sahaja
- C A dan B sahaja
- D B dan D sahaja

Soalan S77 – S80 adalah berdasarkan kepada analisa item bagi satu ujian yang diambil oleh 80 orang calon, keputusannya adalah seperti dalam jadual di bawah:

Nombor Item	Jawapan Betul	
	Kumpulan Berpencapaian Tinggi	Kumpulan Berpencapaian Rendah
1	8	12
2	10	6
3	5	5
4	9	4
5	15	3

S77 Manakah antara berikut item yang paling sukar?

- A 4
- B 3
- C 2
- D 1

S78 Manakah antara item berikut yang mempunyai indeks diskriminasi negatif?

- A 1
- B 2
- C 3
- D 4

S79 Item yang manakah tidak membezakan pelajar yang berkebolehan tinggi dengan pelajar yang berkebolehan rendah?

- A 1
- B 2
- C 3
- D 4

S80 Item yang manakah mempunyai nilai kesukaran 40%?

- A 5
- B 4
- C 3
- D 2